

KAPSUL PENGGUNA

f t d i KPDN



Dalam Kenangan

DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

3 Disember 2022 – 23 Julai 2023

KANDUNGAN

- 3** RAMAH MESRA BERSAMA MAHASISWA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
- 4-5** “APA PUN JAWATAN KITA HARI INI,
SEDARLAH IANYA HANYA SEMENTARA”
- 6** PENGGUNA BERDAYA,
NEGARA RAHMAH SEJAHTERA
- 7** KELAB PENGGUNA SEKOLAH NADI PENGGERAK
PENDIDIKAN KEPEGUNAAN PENGGUNA MUDA
- 8** PELANCARAN MY GAYA MONTH 2023
- 9** KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA (KDM)2023 KINI
DI ZON PANTAI TIMUR
- 10-11** PEMBELIAN BERSYARAT
- 12** SESI TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS SAINS
PENGUATKUASAAN TAHUN 2023
- 13** KPDN BERJAYA PATAHKAN CUBAAN SELEWENG 47,540
LITER MINYAK DIESEL
- 14-15** KAMI BERTINDAK
- 16-19** LENSA



RAMAH MESRA BERSAMA MAHASISWA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

SINTOK, 21 JULAI 2023, JUMAAT - Yang Berhormat Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah turun padang dan mengadakan satu Sesi Ramah Mesra Bersama Mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) yang diadakan di Kafeteria Inasis TM, UUM, Sintok Kedah.

YB Menteri turut meninjau Menu RAHMAH Siswa yang dijual di kafe tersebut. Pada masa yang sama, YB Menteri turut melancarkan Majlis Pelancaran Food Bank Inasis TM yang

diusahakan oleh pihak kampus dan mahasiswa UUM itu sendiri.

Seterusnya, YB Menteri turut menyampaikan sumbangan Bakul RAHMAH kepada mahasiswa yang kurang upaya (OKU). Sumbangan Bakul RAHMAH yang diberikan ini sedikit sebanyak mampu mengurangkan beban kos sara hidup yang dihadapi oleh mahasiswa tersebut.

Turut hadir, Pengurusan Tertinggi UUM serta Pegawai Kanan Kementerian.



"APA PUN JAWATAN KITA HARI INI, SEDARLAH IA HANYA SEMENTARA,"

KUALA LUMPUR: Demikian kata-kata nasihat terakhir yang sempat dititipkan oleh Datuk Seri Salahuddin Ayub semasa semasa sesi dialog program *Townhall Pesta Konvokesyen Universiti Utara Malaysia (UUM) 2023* bersama mahasiswa UUM di Sintok, Kedah pada Jumaat malam sebelum dikejarkan ke hospital.

Pemergian mengejut beliau merupakan satu kehilangan yang besar. Beliau yang merupakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ini amat disenangi ramai dengan sifatnya yang lembut, rendah diri serta ramah. Allahyarham meninggal dunia kira-kira jam 9.23 malam ini ketika dalam rawatan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar, Kedah.

Sejak menerajui KPDN di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau telah memperkenal inisiatif satu inisiatif yang memberi khabar gembira kepada rakyat bagi meringankan beban hidup masyarakat, terutamanya golongan B40.

Payung RAHMAH yang diperkenalkan oleh beliau pada Januari 2023 dikembangkan kepada pelbagai bahagian seperti Jualan RAHMAH, Menu RAHMAH, Bakul RAHMAH dan sebagainya.

Jenama Menu RAHMAH berharga RM5 diperkenalkan beliau mendapat sambutan luar biasa bukan saja rakyat, malah segmen peniaga kecil dan francais yang tampil menyahut dan menyokong usaha terbabit. Walaupun ada pihak yang mencuba mempertikaikan inisiatif ini namun ianya tetap berhasil mendapat tempat dihati rakyat.

Beliau juga merupakan seorang menteri yang sentiasa berdedikasi dan komited dalam memastikan bekalan barang mencukupi dan menstabilkan harga barang serta mengurangkan inflasi kepada pengguna.

Semoga segala usaha dan jasa beliau di KPDN akan dikenang rakyat dan mendapat ganjaran pahala yang tinggi oleh Allah SWT.

kata beliau amat terkesan dengan berita





PENGGUNA BERDAYA, NEGARA RAHMAH SEJAHTERA

Hari Pengguna Kebangsaan saban tahun disambut pada tanggal 15 Mac bersama-sama Sambutan Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia atau *World Consumers Rights Day* (WCRD) diperingkat global. Walau bagaimanapun, tahun ini negara kita menyambut Hari Pengguna Kebangsaan 2023 (HPK) pada bulan Julai iaitu 28 hingga 30 Julai 2023.

Dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri, bertemakan bertemakan "Pengguna Berdaya, Negara RAHMAH Sejahtera" di Piazza, Pavilion Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Tema pada tahun ini telah di rangka dan dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu Penguna Berdaya dan Negara RAHMAH Sejahtera. Pengguna Berdaya ialah pengguna yang berpengetahuan, tahu hak dan berani bertindak yang merupakan matlamat utama KPDN kepada rakyat Malaysia.

Seterusnya, Negara RAHMAH Sejahtera pula merupakan negara yang menjaga ekonomi dan kebajikan rakyat dengan mewujudkan persekitaran ekonomi yang adil di atas prinsip kasih sayang.

#HariPenggunaKebangsaan2023

#PenggunaBerdayaNegaraRAHMAHSejahtera



KELAB PENGGUNA SEKOLAH NADI PENGGERAK PENDIDIKAN KEPENGGUNAAN PENGGUNA MUDA

YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup telah menyempurnakan Perasmian Majlis Penutup Cabaran Interaktif Pengguna – Kelab Pengguna Sekolah (CIP-KPS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 yang telah diadakan di Eastwood Valley Golf & Country Club, Miri, Sarawak.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menganjurkan Program Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP KPS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 yang telah diadakan mulai 20 hingga 22 Ogos 2023 di Miri, Sarawak.

CIP-KPS pada tahun ini melibatkan penyertaan 641 buah sekolah yang terdiri daripada 2,564 pelajar dari seluruh negara dan format pertandingan adalah berbentuk cabaran interaktif berkonsepkan *explorace* yang menguji kecekapan, pengetahuan serta amalan kepenggunaan merangkumi aspek perlindungan pengguna, pengurusan kewangan, pemakanan sihat dan kelestarian alam sekitar.

Berdasarkan data terkini sehingga 31 Julai 2023, sebanyak 1,974 sekolah telah menubuhkan KPS dengan melibatkan penyertaan pelajar seramai 67,996 orang sebagai ahli KPS.



PELANCARAN MY GAYA MONTH 2023

Malaysian Bumiputra Designer Association (MBDA) telah melancarkan My Gaya Month 2023 buat tahun ketiga. Ianya telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) di Fahrenheit88, Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Dengan matlamat untuk mengetengahkan dan mempromosi barang Malaysia menerusi produk fesyen, gaya hidup dan teknologi; sekaligus melahirkan usahawan-usahawan baharu sambil melatih graduan fesyen dari akademi-akademi tempatan dalam industri fesyen.

Kempen ini akan berlangsung selama sebulan dan Gaya Month 2023 akan melabuhkan tirainya secara gah dengan sebuah pertunjukan fesyen pada 10 September 2023 di Fahrenheit88.

Untuk makluman, penganjuran My Gaya Month merupakan salah satu inisiatif strategik Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) di mana objektifnya adalah bagi mengangkat segmen atau industri lain untuk dikenalpasti dalam membantu usahawan tempatan memasarkan produk Barang Malaysia.

Inisiatif ini menampilkan 31 orang pereka, usahawan gaya hidup dan akademi fesyen tempatan bersama koleksi-koleksi dan produk terbaru mereka yang direka/dihasilkan khas bagi kempen ini yang berkisar sekitar tema fabrik berelemen "heritage/warisan".

Seterusnya, acara selama sebulan ini akan menyorot kepelbagaiannya wawasan dan kreativiti pereka-pereka fesyen tempatan di Malaysia, di samping memberikan peluang kepada masyarakat dan pengunjung dari luar negara untuk menghayati kecantikan dan keindahan yang lahir daripada industri fesyen dan gaya hidup tempatan.

KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA (KBM) 2023

KINI DI ZON PANTAI TIMUR

Jelajah Mini Karnival Barang Malaysia (KBM) 2023 kini dibawakan khas untuk warga pantai timur khususnya penduduk tempatan. Majlis perasmian Jelajah Mini Karnival ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Roziah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Antara objektif penganjuran Jelajah Mini Karnival KBM 2023 zon pantai timur adalah untuk menggalakkan rakyat khususnya mereka yang tinggal di kawasan Pantai Timur untuk mengutamakan produk / barang buatan tempatan selain membantu usahawan tempatan dalam menjana ekonomi yang lebih stabil serta mampu menawarkan produk berkualiti dan setanding dengan produk-produk luar.

Penganjuran KBBM pada tahun ini sejajar dengan hasrat kerajaan dalam usaha memartabatkan barang buatan Malaysia serta dapat menjadi pemangkin dalam

merancakkan kembali pembelian barang buatan Malaysia disamping merangsang pertumbuhan ekonomi domestik melalui peningkatan pembelian dan penggunaan produk atau perkhidmatan tempatan.

Untuk makluman, Jelajah Mini Karnival KBM pada kali ini mendapat sambutan penglibatan seramai hampir 20 orang usahawan tempatan daripada tiga negeri di bawah zon pantai timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan dimana setiap pempamer menampilkan kepelbagaiannya produk bercirikan keunikan negeri masing-masing.

Jelajah mini karnival KBM ini akan menjelajah ke 5 zon/wilayah di Malaysia sebelum melabuhkan tirainya melalui acara kemuncak Karnival Barang Malaysia pada penghujung tahun ini. Ayuh, rakyat Malaysia untuk bersama-sama menyahut seruan kerajaan dalam membuat pilihan dengan mengutamakan dan membeli barang Malaysia. Barang baik barang kita!





PEMBELIAN BERSYARAT?

Betulkah bekalan bahan mentah seperti minyak paket bersubsidi satu kilogram (kg) sentiasa mencukupi dan mampu menampung permintaan pengguna di pasaran serta kenaikan harga yang dilihat tidak munasabah dan ada pula pembelian dengan bersyarat?

Kos sara hidup yang semakin menekan kini membuatkan setiap daripada kita berhati-hati dengan setiap sen yang dibelanjakan. Namun segelintir peniaga dilihat cuba memanfaatkan kesempatan dengan menjualnya secara bersyarat.

PENGGUNA BERHAK UNTUK MELAPORKAN!

Sekiranya pengguna mendapati peniaga menjual minyak paket bersubsidi melebihi harga kawalan yang ditetapkan serta menjualnya dengan bersyarat, pengguna boleh menyalurkan aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup melalui sistem e-Aduan KPDN serta melalui talian bebas tol: 1-800-886-800 atau melalui portal rasmi KPDN.

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961) sekiranya peniaga didapati menjual dengan bersyarat serta gagal mengemukakan dokumen deklarasi maklumat berhubung keberadaan sebenar bekalan minyak masak bersubsidi yang dipasarkan. Peniaga juga boleh diambil tindakan tegas di bawah seksyen 16A (1) (b) menyimpan bekalan minyak masak bersubsidi dengan sengaja enggan menjual barang berjadual dalam milikannya dengan kuantiti yang munasabah kepada pelanggan dalam urusan perniagaan.

KPDN sentiasa mengambil perhatian terhadap aduan pengguna dan tindakan yang tegas akan diambil kepada peniaga bagi menyekat sebarang aktiviti haram seperti perbuatan menyeleweng dan menyorok bekalan barang kawalan.



LARANGAN KENAKAN SYARAT JIKA JUAL MINYAK PAKET

SEMUA PERUNCIT DIBERI AMARAN AGAR **TIDAK MENGENAKAN PEMBELIAN BERSYARAT** KEPADA ORANG RAMAI YANG INGIN MEMBELI MINYAK MASAK POLIBEG **1 KG**. PENIAGA YANG INGKAR BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN DI BAWAH **AKTA KAWALAN BEKALAN 1961**

PERUNCIT HANYA DIBENARKAN MENGEHADKAN KUANTITI MINYAK PEKET BAGI SETIAP INDIVIDU **TANPA SEBARANG SYARAT PEMBELIAN** SUPAYA LEBIH RAMAI PENGGUNA DAPAT MEMBELI MINYAK MASAK BERSUBSIDI TERSEBUT

Pembelian Bersyarat ❌

Mengehadkan kuantiti ✓





SESI TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS SAINS PENGUATKUASAAN TAHUN 2023

Yang Berhormat Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah merasmikan Majlis Perbarisan Kawalan Kehormatan Sempena Hari Penguat Kuasa KPDN Ke 51 dan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan Tahun 2023 bagi anggota dan pegawai penguat kuasa KPDN lantikan baharu yang diadakan di Kem Permata Resort, Alor Gajah, Melaka.

Untuk makluman, tanggal 17 April setiap tahun merupakan tarikh keramat buat warga kerja Bahagian Penguat Kuasa KPDN kerana Bahagian Penguat Kuasa KPDN secara rasminya telah ditubuhkan pada tarikh tersebut. Tema sambutan yang dipilih pada tahun ini adalah Profesional Tegas Berintegriti.

Selain itu, pada hari ini juga telah diadakan Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan Tahun 2023

bagi pengambilan sesi tahun 2022 yang melibatkan seramai 138 orang pegawai lantikan baharu dan pegawai yang dinaikkan pangkat secara lantikan (KPSL) yang telah bermula pada 1 Jun 2023 sehingga 17 Julai 2023 iaitu selama 47 hari.

Dalam modul kursus kali ini, penekanan telah diberikan kepada pegawai-pegawai lantikan baharu berkenaan aspek fizikal seperti latihan kawad, latihan jasmani, latihan menembak dan sahsiah diri seperti disiplin dan integriti.

Di samping itu, mereka juga telah didekah dengan pengetahuan berhubung perundangan yang dikuatkuasakan serta *Standard Operation Procedure (SOP)* yang digunakan dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan yang merangkumi elemen 6P iaitu Perisikan, Pemeriksaan, Penyiasatan, Pendakwaan, Pengendalian Ekshibit dan Pengurusan Penguatkuasaan.



KPDN BERJAYA PATAHKAN CUBAAN SELEWENG 47,540 LITER MINYAK DIESEL

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi di bawah OPS TIRIS dalam satu serbuan yang dilakukan ke atas sebuah premis di Taman Perindustrian Plentong, Masai, Johor yang disyaki beroperasi tanpa lesen pada 19 Ogos 2023.

Turut bersama-sama dalam serbuan tersebut ialah YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, YBrs. Tuan Shamsul Nizam Khalil, Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDN serta Pegawai Kanan Kementerian.

Serbuan yang dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa daripada KPDN Putrajaya adalah hasil risikan yang telah dilakukan sejak 6 bulan sebelum operasi dilaksanakan bermula kira-kira jam 8.10 malam.

Hasil pemeriksaan, pasukan serbuan telah menemukan minyak diesel dengan kuantiti keseluruhan berjumlah 47,540 liter serta beberapa peralatan lain yang digunakan untuk kegiatan penyelewengan minyak diesel.

Dalam serbuan itu, sebuah motorlori tanker, 2 buah lori bonded, 1 kenderaan pikap 4x4 dan minyak diesel telah disita bagi siasatan lanjut. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM267,457.00.

Seorang lelaki warganegara tempatan berumur 37 tahun yang mengaku sebagai pemandu treler juga telah ditahan bagi membantu siasatan.

Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini akan dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan pada masa yang sama syarikat ini juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) (Akta 613).

KAMI BERTINDAK!

1

KPDN SERBU PREMIS LETAK SYARAT JUAL GULA

IPOH: Padah menjual gula pasir secara besyarat, sebuah "Pegawai penguat kuasa juga turut menemukan notis bertulis yang premis perniagaan di Batu Gajah diserbu penguat kuasa diletakkan di kotak dan digantung di rak jualan yang menyatakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup syarat pembelian itu. (KPDN) Perak.

Pengarah KPDN Perak Datuk Kamalludin Ismail berkata pegawai penguat kuasa melakukan pemeriksaan dengan taktik penyamaran di premis itu, kira-kira 1.30 tengah hari semalam.

"Pegawai kita berpakaian preman menyamar sebagai pembeli ke premis berkenaan, untuk membeli gula pasir kasar yang berharga RM2.85 sepaket.

"Premis itu meletakkan syarat jika mahu membeli gula pasir kasar, perlu terlebih dahulu melakukan pembelian 1 kilogram gula putih jernih (premium) yang berharga RM4.50 sepaket," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kamalludin berkata hasil siasatan dari penyamaran yang dijalankan mendapati, peniaga berkenaan didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana mengenakan syarat tanpa kebenaran Pengawal Bekalan.

"Berikut itu, KPDN Perak bertindak menyita 100 kilogram gula pasir kasar dan 74 kilogram gula pasir jernih untuk siasatan lanjut dengan nilai rampasan keseluruhan sebanyak RM620.85," katanya.

Kamalludin berkata kes akan disiasat mengikut Seksyen 19 Akta Kawalan Bekalan 1961, berkaitan penjualan bersyarat barang kawalan dan peniaga berusia 61 tahun itu, bakal dikenakan tindakan.

"Para peniaga diingatkan supaya tidak mengenakan apa-apa syarat bagi pembelian barang kawalan dan tidak menyorok barang kawalan bagi mengelak dikenakan tindakan di bawah akta ini.

"Jika didapati bersalah mereka boleh didenda melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali, manakala bagi pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan yang kedua didenda tidak melebihi RM5 juta," katanya.



2

KPDN RAMPAS 9,000 LITER MINYAK DIESEL BERSUBSIDI DISELEWENG

SEREMBAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan berjaya membongkar aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi dengan rampasan 9,000 liter minyak itu yang dianggarkan bernilai RM19,350 di Taman Seremban Jaya di sini semalam.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, serbuan menerusi OPS TIRIS itu dijalankan oleh 12 orang

anggota pasukan penguat kuasa KPDN pada pukul 10 malam hasil risikan selama dua minggu.

"Serbuan turut mengambil kira maklumat daripada orang awam yang curiga dengan kegiatan lori-lori di kawasan berkenaan.

"Pemeriksaan menyeluruh semasa serbuan mendapati, terdapat tangki-tangki *Intermediate Bulk Container* (IBC) yang berisi minyak diesel di dalam kesemua lori-lori terlibat dipercayai sedang menunggu giliran untuk aktiviti pemindahan minyak diesel ke sebuah lori tangki yang turut berada di lokasi," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Muhammad Zahir berkata, aktiviti pemindahan minyak diesel itu tidak dilakukan pada malam tersebut dipercayai kerana pihak sindiket telah menghindu kehadiran anggota serbuan di lokasi.

"Turut disita empat buah lori dan 19 unit tangki IBC yang menjadikan anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM71,150.

"Empat kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti serta rantaian pengedaran minyak diesel tersebut," katanya.



ALOR SETAR: Sebuah stor di Bukit Kayu Hitam yang disyaki menjadi tempat transit penyelewengan minyak diesel diserbu pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, semalam.

Pengarah KPDN Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, operasi OPS TIRIS yang dilakukan pada jam 10 malam itu adalah berdasarkan sumber risikan KPDN Putrajaya.

Beliau berkata, ketika serbuan di stor terbabit, didapati pagar berkunci dan tiada penghuni.

"Malah, hasil pemeriksaan yang dilakukan menemui empat unit IBC tangki yang berisi minyak disyaki diesel dengan anggaran sebanyak 3,800 liter, satu unit IBC tangki kosong, dua unit Skid Tank dan peralatan yang disyaki digunakan untuk aktiviti penyelewengan.

"Jumlah keseluruhan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM28,170," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Affendi berkata, siasatan dilakukan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata, sekiranya disabitkan dengan kesalahan di bawah akta ini boleh dikenakan penalti iaitu bagi mana-mana orang perseorangan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi kesalahan yang kedua pula boleh didenda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Selain itu, bagi pertubuhan perbadanan pula boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan yang kedua didenda tidak melebihi RM5 juta," katanya

Affendi berkata, KPDN Kedah ingin memberi amaran keras dan menegaskan bahawa kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terbabit dalam sindiket dan aktiviti penyelewengan barang kawalan ini.

Beliau berkata, tindakan tegas akan diambil termasuklah mendakwa mereka di mahkamah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) (Akta 613).

"Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana lebih tinggi," katanya.

Menurutnya lagi, orang ramai boleh menyalurkan maklumat melalui portal e-aduan 2.0 <http://eaduan.kpdn.gov.my> atau Call Centre 1-800-886-800 serta E-mel eaduan@kpdn.gov.my dan Aplikasi EZ ADU KPDN.

Selain itu, maklumat boleh disalurkan melalui pusat arahan penguat kuasaan (ECC) 03-88826088/6245 atau melalui WhatsApp 019-848 8000 dan 019-279 4317 serta Pejabat KPDN Kedah 04-7001745.









KAPSUL PENGGUNA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62623 PUTRAJAYA,
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

TERBITAN:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

